

Tinjauan Buku

Penelitian Sosiofonetik Terhadap Variasi Vokal Kelantan

Nurul Athirah Jaffar & Shahidi A. Hamid

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2025, 189 halaman
ISBN 978-629-486-547-1

Apabila berbicara berkaitan bahasa, pastinya ia merupakan kupasan kompleks dan universal, kerana setiap bahasa mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan itu berteraskan kepada ciri-ciri fonetik yang berbeza. Secara asas, tiga aspek utama wajar diperhatikan bagi menyerlahkan persamaan dan perbezaan fonem, iaitu bunyi yang berbeza, bunyi yang sama dan bunyi yang hampir sama. Ironinya, walaupun berkemungkinan wujudnya pertindihan sebutan yang hampir sama, namun ianya masih boleh dibezakan. Setiap bahasa pula mempunyai dialek tertentu yang menjadikan sesuatu bahasa itu sukar dijelaskan tanpa perbincangan yang rapi. Malah, jika diselusuri dengan lebih mendalam, Malaysia sendiri memiliki variasi dialek yang amat menarik untuk dikaji. Sebagai contoh, dialek Kelantan mempunyai keunikan vokal di hujung kata yang dilenturkan seperti bunyi geluncuran menunjukkan identiti individu yang bertutur menggunakan dialek tersebut.

Berpanduan kepada contoh di atas, maka buku ini menyalurkan jawapan yang lebih terperinci bagi memerihalkan pola akustik vokal Kelantan. Buku hasil nukilan Nurul Athirah Jaffar dan Shahidi A. Hamid ini merupakan antara karya yang sangat penting dalam menyalurkan sumbangan terhadap korpus linguistik Melayu, terutamanya dalam bidang Fonetik Akustik. Buku ini menyajikan kupasan dan perbincangan saintifik tentang sistem bunyi bahasa Melayu khususnya vokal dengan memberikan tumpuan kepada kaedah fonetik akustik. Langkah pengkaji/penulis buku menggabungkan teori asas linguistik fonetik dengan analisis spektrograf menjadikan buku ini sebuah rujukan yang dominan dan memberi dimensi baharu dalam memperkukuh kefahaman fonetik.

Penulisan buku bertajuk *Penelitian Sosiofonetik Terhadap Variasi Vokal Dialek Kelantan* ini dimulakan dengan memerihalkan secara umum mengenai vokal Kelantan serta huraian ringkas dan umum tentang pola akustik variasi bunyi vokal depan dan bunyi vokal belakang serta keterlibatan pendekatan sosiofonetik dalam melihat perbezaannya. Pada dasarnya, kajian fonetik merangkumi pebagai disiplin ilmu fonetik, antaranya fonetik auditori, artikulatori dan akustik. Kajian-kajian lepas berfokus kepada konsonan, vokal (Shaharina et al. 2014), gender (Mardian 2008), dialek (Shahidi et al. 2020; Shahidi & Mumad 2020; Mohamad Firdaus et al. 2020), sosiofonetik (Khattab 2002), perbandingan bahasa pertama dan kedua (bahasa Melayu dan Inggeris eg. Shahidi 2010; Bahasa Arab dan Bahasa Melayu eg. Majdan 2020), dan kajian suprasegmental seperti tekanan (Kaseh & Faiz 2018; Nazratul et al. 2016) dan intonasi. Di Malaysia, kajian sosiofonetik yang memanfaatkan pemerian fonetik akustik masih dianggap langka. Antara kajian fonetik dan fonologi yang memaparkan data bersifat impresionistik/tradisional ialah Azidan 2004, Asmah 2024, dan Harun et al. 2010. Justeru, kehadiran buku fonetik akustik yang memaparkan analisis vokal Kelantan secara akustik ini telah mewarnai dunia linguistik bagi menjelaskan ciri-ciri fonetik yang bersifat sains pertuturan.

Buku ini secara langsung telah memaparkan hakikat senario kajian pertuturan dialek Melayu Kelantan. Secara umumnya, usaha yang dilakukan oleh sajana terdahulu dalam bidang fonetik akustik Melayu khususnya berkaitan pola dialek Kelantan masih berada pada tahap yang kurang memberangsangkan. Paparan tinjauan literatur khususnya dalam aspek bunyi vokal depan dan vokal belakang dalam dialek Kelantan, justeru, mampu dijadikan sebagai satu panduan pada masa hadapan.

Buku ini berfokus kepada penerapan PRAAT dalam kajian fonetik Melayu. Peringkat-peringkat asas dalam penelitian pertuturan berasaskan perisian PRAAT telah diperjelaskan oleh penulisnya seterperinci mungkin. Selari dengan keperluan pada masa kini, penjelasan terperinci tentang kaedah analisis spektrogram (i.e. via pendekatan sosiofonetik) amatlah relevan dan signifikan. Penulis buku menunjukkan bahawa penerapan kaedah berteknologi tinggi dalam penelitian bahasa adalah sangat penting dalam menghasilkan sebuah penelitian yang mantap dan bermutu tinggi.

Buku ini membuktikan kepada kita bahawa suara penutur perempuan dikatakan memiliki nilai tempoh vokal dan nilai formant frekuensi yang lebih tinggi berbanding dengan penutur lelaki. Di samping itu, buku ini menunjukkan kepada kita bahawa kualiti bunyi vokal belakang yang dihasilkan oleh penutur natif dialek Melayu Kelantan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri.

Cabaran dan masa depan ilmu fonetik akustik Melayu turut diberi perhatian oleh penulis buku berkenaan. Sesungguhnya, ahli bahasa pada akan datang wajib melanjutkan lagi penelitian pertuturan dialek Melayu secara akustik bagi mengisi kelompongan sedia ada menerusi penemuan-penemuan baharu. Penulis buku dengan tegas menyatakan bahawa masih terdapat banyak aspek yang berkaitan dengan dialek Melayu yang belum disentuh dan dibincangkan dengan lebih mendalam menerusi kaedah saintifik seperti analisis spektrogram.

Secara keseluruhannya, buku ini sangat bermanfaat kepada golongan pembaca yang berminat mengetahui aspek fonetik (sains bunyi) dan fonologi (sistem fungsi bunyi). Kekuatan utama buku ini terletak pada novelti dalam memperkenalkan ilmu fonetik eksperimental. Penulis berjaya meneliti korpus bahasa Melayu dengan memaparkan data visual gelombang bunyi melalui analisis spektrogram. Buku ini turut memerihalkan tatacara analisis akustik menggunakan Praat. Prosedur analisis Praat amat penting dilakukan bagi menjelaskan proses analisis sehingga keputusan diperolehi. Perkara utama yang dikupas merangkumi penjelasan mendalam mengenai fonetik artikulatori (penghasilan bunyi), dan fokus utama iaitu fonetik akustik yang memfokuskan ciri-ciri fizik gelombang bunyi. Secara asas, parameter yang digunakan dalam analisis akustik antaranya *Voice Onset Time*, intensiti, *fundamental frequency* dan frekuensi formant. Bagi setiap parameter ini, ia dimanfaatkan mengikut tujuan analisis, seperti formant yang digunakan bagi mengukur vokal dan *Voice Onset Time* bagi mengukur tempoh masa. Sehubungan itu, buku ini menjadi rujukan bagi pengkaji yang ingin mendalami parameter akustik berteraskan formant frekuensi.

Naskhah ini merupakan sumbangan yang amat signifikan dalam memartabatkan kajian linguistik Melayu. Komitmen pengkaji dalam mengetengahkan kaedah fonetik akustik dan eksperimental berjaya meletakkan analisis bahasa Melayu seiring dengan perkembangan sains pertuturan moden di peringkat global. Buku ini sangat disyorkan untuk dimiliki oleh para pensyarah, mahasiswa bidang bahasa, serta penyelidik sains

pertuturan. Dapatlah ditegaskan di sini bahawa buku yang mengandungi empat bab ini dapat memberi kesegaran para pengkaji akustik dalam melestarikan kosa ilmu dan ilmu pengetahuan tentang dialek dan perbezaan gender. Melalui keterlihatan fonetik akustik dalam ruang lingkup dialek mampu menyemarakkan keunikan identiti dialek dan juga memperkasa dialek Melayu khususnya ke persada antarabangsa.

Majdan Paharal Radzi
Kluster Peradaban Islam dan Pembangunan Sosial
Pusat Pengajian Bahasa Arab
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin.
majdan@unisza.edu.my